

10 JAN 1998

LAPORAN MINGGUAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Pergerakan ringgit minggu depan dijangka tidak dapat diramal berdasarkan kepada kelemahan mata wang serantau yang didahului oleh rupiah Indonesia.

Bagaimanapun, seorang peniaga berkata jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat bahawa ekonomi Malaysia masih stabil dikatakan boleh "memberi sedikit kelegaan kepada ketegangan dalam pasaran."

Seorang peniaga lain berkata: "Tiada sebarang alasan asas bagi dolar/ringgit untuk meningkat lebih tinggi. Ringgit yang pada satu tahap jatuh kepada paras 4.88, hanyalah semata-mata menjejaki kelemahan mata wang serantau.

Campur tangan Bank Negara dalam pasaran pada Rabu, Khamis dan Jumaat minggu ini dengan menjual dolar menerusi sebuah bank terkemuka tempatan, sepatutnya mampu menghadkan kenaikan dolar minggu depan sebagai tambahan untuk membawa kestabilan kepada ringgit.

Dipercayai bank pusat merancang untuk menyimpan ringgit di bawah paras 4.6500.

Bagi minggu ini ringgit ditutup lemah kepada 4.5600/90 berbanding dolar AS daripada penutupan 3.9250/50 pada Jumaat, tidak sebelum mencecah paras terendah 4.8800 pada Rabu di atas permintaan kukuh bagi dolar AS.

Kejatuhan menjunam dalam ringgit menyebabkan campur tangan Bank Negara yang menyaksikan unit tempatan meningkatkan hampir kepada paras 4.5900 dan 4.6000.

Selain daripada campur tangan bank pusat kedudukan hutang Malaysia ditambah dengan defisit akaun semasa bagi suku tahunan ketiga yang lebih baik daripada yang dijangkakan yang diumumkan minggu, lalu memberi sedikit sinar kepada pasaran.

Angka perdagangan November positif yang diumumkan oleh Jabatan Perangkaan pada Jumaat juga berjaya mengekalkan ringgit pada kedudukan stabil.

Malaysia mencatat lebih sebanyak RM700 juta dalam imbalan perdagangan luar bagi November 1997 berbanding defisit RM500 juta dalam bulan yang sama pada 1996, dengan eksport meningkat 30.9 peratus kepada RM21.6 bilion dan import sebanyak 23.1 peratus kepada RM21.0 bilion.

Pada asas mingguan, ringgit jatuh berbanding dolar Singapura kepada 2.5814/57 daripada 2.3218/05, menurun berbanding yen kepada 3.4817/60 bagi 100 yen daripada 2.9859/58, susut berbanding deutschemark kepada 2.5170/45 daripada 2.1750/17 dan jatuh berbanding pound sterling kepada 7.3764/57 daripada 6.4464/68.

Pada Jumaat, dalam pasaran wang, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) meningkat kepada 9.29 peratus daripada 8.93 peratus manakala tempoh tiga bulan kepada 9.38 peratus daripada 9.15 peratus pada Jumaat sebelumnya. -- BERNAMA

AA ZK